

Untuk elak Umno diseret ke mahkamah

Janji tidak celes parti

BM 21 JUL 1985

KUALA LUMPUR, Sabtu — Ahli-ahli Umno mungkin disyaratkan mengikat janji tidak akan membawa krisis parti ke mahkamah melainkan setelah semua cara penyelesaian dalam parti digunakan.

Ikrar ini, kata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mungkin mengambil bentuk kontrak yang ditandatangani oleh ahli-ahli dengan parti.

Perdana Menteri berkata, peruntukan ini perlu dimasukkan ke dalam perlembagaan parti kerana peruntukan-peruntukan yang ada

Oleh **ZAINI ZAINUDDIN,**
MAHFAR ALI dan
MANJA ISMAIL

sekarang tidak menghalang ahli-ahli parti daripada membawa pertikaian ke mahkamah tanpa terlebih dahulu merujuknya kepada jentera parti.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian ketika menjawab pertanyaan pemberita-pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno lebih lima jam di Ibu Pejabat Umno, di sini hari ini.

Dalam mesyuaratnya 6 Julai lalu, Majlis Tertinggi mengarahkan semua kes mahkamah yang membabitkan parti ditarik balik, termasuk saman malu Setiausaha Politik kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Encik Bahador Shah Mohamad, terhadap bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Nahar Shaha

buddin.

Beliau sekali lagi menegaskan bahawa perlembagaan parti juga akan dipinda bagi mencegah politik wang daripada terus merebak.

Katanya, pemimpin

Umno memang menyedari masalah itu dan tindakan-tindakan telah disusun untuk membanterasnya, termasuk pindaan perlembagaan.

Ditanya mengenai keghairahan ahli-ahli, terutama ketua-ketua baru Umno bahagian untuk menjadi calon dalam pilihanraya, Perdana Menteri berkata:

"Tidak banyak yang boleh dilakukan oleh Umno jika ahli atau ketua-ketua berkenaan ingin menjadi calon. Tetapi, jika mereka cuba menggunakan pengaruh parti untuk tujuan itu, kita akan bertindak," tambahnya.

Selain itu, beliau juga berkata, MT belum menetapkan sebarang pendirian berhubung pergolakan politik Sabah, khususnya mengenai permohonan Parti Bersatu Sabah menyertai Barisan Nasional.

Bagaimanapun, mesyuarat MT hari ini membincangkan perkara itu dengan mendalam setelah menerima laporan ringkas mengenai keputusan pilihanraya 22 April lalu di negeri itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, MT berpendapat perkara itu harus dibincangkan di peringkat Majlis Barisan Nasional, bukannya oleh Umno sahaja.

"Kami cuma memberi perhatian terhadap beberapa kemungkinan politik di Sabah dan soal penyertaan PBS dalam Barisan Nasional tidak perlu diputuskan